

# Ijtihad Semasa Di Malaysia: Tinjauan Terhadap Konsep Dan Keperluannya

## *Current Ijtihad In Malaysia: A Review On Its Concept And Urgency*

Muhammad Ikhlas Rosele<sup>a\*</sup>, Khairul Azhar Meerangani<sup>b</sup>, Muhammad Safwan Harun<sup>a</sup>, Mohd. Farhan Md. Ariffin<sup>c</sup>

<sup>a</sup>Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>b</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, 78000 Alor Gajah, Melaka

<sup>c</sup>Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

\*Corresponding author: [ikhlas@um.edu.my](mailto:ikhlas@um.edu.my)

### Article history

Received: 2021-01-11 Received in revised form: 2021-05-17 Accepted: 2021-05-18 Published online: 2021-10-30

### Abstract

The changing of times is something that irresistible. These developments affect many aspects of human life. Furthermore, many issues arise in line with current developments that require Islamic legal answers. Therefore, a current form of ijtihad is very necessary. Thus, this study will examine the concept of current ijtihad and its urgencies nowadays. The study was conducted using a qualitative approach, the library data were used fully and analyzed inductively and deductively. The results of the study have outlined the current concept of ijtihad, its form, needs and approach. It is an important thing to underline in performing current ijtihad, especially in the Malaysian context.

*Keywords:* Ijtihad, contemporary, urgency, current development.

### Abstrak

Perubahan zaman adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Perkembangan ini memberi kesan kepada banyak aspek dalam kehidupan manusia. Begitu juga banyak isu-isu yang timbul selari dengan perkembangan semasa ini yang memerlukan jawapan hukum. Oleh kerana itu, suatu bentuk ijtihad yang bersifat semasa adalah amat diperlukan. Justeru, kajian ini akan mengkaji terhadap konsep ijtihad semasa dan keperluannya pada hari ini. Kajian dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif, data-data perpustakaan diguna sepenuhnya dan dianalisis secara induktif dan deduktif. Hasil kajian telah menggariskan konsep ijtihad semasa, bentuk, keperluan dan pendekatannya. Ia suatu yang penting untuk digariskan dalam melakukan ijtihad semasa khususnya dalam konteks Malaysia.

*Keywords:* Ijtihad, kontemporari, keperluan, perkembangan semasa.

## 1.0 PENDAHULUAN

Perbincangan mengenai ijihad adalah satu perbincangan penting dalam dunia penyelidikan hari ini, khususnya dalam penyelidikan Islam. Sesuatu isu yang timbul dan memerlukan jawapan hukum hendaklah melalui satu proses ijihad daripada pihak yang berkeelayakan. Kepentingan pelaksanaan ijihad dilihat lebih utama pada hari ini berikutan banyak isu-isu baharu selari dengan perkembangan global dan perubahan zaman (Kasdi, 2019). Perkara ini dijelaskan al-Zarqa' (1998) bahawa hal yang diperakui dalam Syariah adalah perubahan situasi dan keadaan zaman memberi kesan kepada hukum syarak.

Walau bagaimanapun, proses ijihad ini adalah satu proses yang rumit dan mempunyai kriteria dan syarat yang ketat. Perkara ini jelas apabila dirujuk dalam perbincangan pihak yang berkeelayakan untuk melakukan ijihad (iaitu mujtahid). Akan tetapi, metodologi dan pendekatan ijihad juga dilihat dinamik. Al-Ramili (2016) menyatakan bahawa perubahan ijihad memberi kepentingan yang jelas pada realiti semasa yang dinamik kerana berkehendakan satu keputusan hukum yang baharu selari dengan perubahan tersebut untuk meralisasikan *maslahah* dan menolak kerosakan serta mengangkat kesempitan masyarakat.

Al-Ramili (2011) juga menjelaskan wajib untuk memperbaharui ijihad kerana wujudnya petanda atau dalil baharu (iaitu uruf atau *maslahah*), tindakan sebegitu memberi keringanan kepada masyarakat. Oleh itu, jika seorang mujtahid itu mengamati jika dikekalkan hukum yang asal (iaitu jika tidak diubah) yang mana mendatangkan kerosakan dan kesukaran pada manusia adalah bercanggah dengan objektif pensyariatan. Justeru dengan semangat seumpama inilah, para intelektual Islam membahaskan konsep ijihad semasa dari pelbagai aspek demi meraih kemaslahatan manusia dan menolak kebinasaan serta memelihara objektif pensyariatan. Lantaran itu, kajian ini akan menjelaskan mengenai konsep ijihad semasa dalam konteks semasa di Malaysia serta menghuraikan keperluannya. Artikel ini adalah bersifat kajian awal yang menggunakan pendekatan kualitatif. Data yang dikumpul adalah data-data perpustakaan yang kemudiannya di analisis secara induktif dan deduktif.

## 2.0 KONSEP IJTIHAD SEMASA

Ijihad dari sudut etimologi berasal dari perkataan Arab iaitu (اجتهاد) "Ijihad" yang merupakan masdar daripada "ijtahada" (اجتهد) (al-Ghalayini, 1986), manakala kata asalnya (akar) adalah daripada (جهد) "ja-ha-da" yang membawa maksud bersungguh-sungguh, dan mengeluarkan daya usaha untuk mencapai tujuan (Ahmad Mokhtar 'Umar, 2008). Ibn Manzur menyatakan bahawa "jahada" dan "ijtahada" kedua-duanya membawa maksud bersungguh-sungguh (Ibn Manzur, t.t.).

Dari sudut terminologi fiqh al-Zarkasyi (1992) menjelaskan ijihad sebagai mencurahkan daya dan kesungguhan untuk mencari hukum syarak yang praktikal melalui proses istinbat. Penjelasan yang sama juga dikemukakan oleh al-Asfahani (1987), di mana ijihad adalah apabila seorang faqih itu mengerahkan usahanya untuk memperolehi hukum syarak agar berada pada kedudukan zann.

Daripada pentakrifan tersebut dapat dipastikan bahawa proses ijihad adalah dilakukan oleh seorang faqih yakni orang yang berkeelayakan dalam bidang fiqh atau digelar sebagai mujtahid. Selain itu, proses ijihad bukanlah suatu proses yang mudah ini kerana standard yang digariskan untuk seseorang mujtahid itu menunjukkan bahawa proses ijihad ini tidaklah mudah dilakukan dan tidak semia orang yang mempunyai latar belakang pengajian agama layak untuk melakukan ijihad. Ia memerlukan seseorang pakar untuk memerah dan mencurahkan segala kemahirannya

untuk memperoleh hukum bagi sesuatu permasalahan. Oleh kerana itu, ijtihad adalah sinonim dengan sebarang usaha dan kesungguhan ilmiah.

Manakala kontemporari (contemporary) pula dalam Bahasa Arab disebut sebagai “mu’asir” (معاصر) (Doniach, 1972). Al-Mu’asir bermaksud; hidup (wujud) semasa atau sezaman (Osman, 2006), apabila disebut al-Insan al-Mu’asir (الإنسان المعاصر) bermaksud jenis (manusia) yang wujud sekarang selepas pupusnya puak sebelumnya (Ahmad Mokhtar, 2008). Ini bermakna ijtihad kontemporari dalam Bahasa Arab al-ijtihad al-mu’asir yang bermaksud ijtihad pada zaman sekarang. Ijtihad kontemporari juga boleh disebut sebagai ijtihad baru, ijtihad semasa, ijtihad moden, dan seertinya.

Berkait dengan ijtihad semasa, al-Raysuni (2014) memberi gambaran bahawa kehidupan manusia dikelilingi dengan peristiwa-peristiwa baharu selari dengan perubahan zaman. Nas daripada al-Quran dan al-Sunnah pula terhad dan kebanyakannya tidak mempunyai penjelasan yang terperinci. Oleh kerana itu, ulama telah membuka pintu ijtihad yang dibangunkan berasaskan prinsip-prinsip syarak. Ijtihad adalah satu fardu kifayah bagi umat Islam dan fardu ain bagi orang yang mempunyai kelayakan untuk berijtihad. Bahkan terdapat larangan bagi mereka yang tidak mahu berijtihad dan mengambil pendekatan taqlid semata-mata.

Al-Raysuni (2014) juga menambah bahawa pembaharuan ijtihad bukanlah mengabaikan atau menafikan ilmu usul (usul al-fiqh). Namun ia adalah satu reformasi pemikiran melalui pendekatan istidlal dan metodologi dalam hukum syarak demi merealisasikan masalah hamba. Dalam makna yang lebih khusus, ijtihad semasa adalah kerahan usaha dalam penyelidikan untuk mendapatkan hubungkait yang kukuh antara nas syarak dengan akal yang sihat dan realiti manusia. Mengenalpasti hukum syarak dalam konteks ijtihad semasa hendaklah menghubungkan akal yang sejahtera dengan nas syarak pada satu sudut, dan menghubungkan akal dengan realiti manusia pada sudut yang lain. Pendekatan hendaklah berasaskan metodologi penyelidikan yang kuat dan konsisten (al-Halwu, 2014).

Daripada penjelasan yang telah dikemukakan, dapat dirumuskan bahawa ijtihad semasa dalam konteks perbincangan ini merangkumi:

- 1- Melakukan ijtihad dalam isu-isu kontemporari (baru), seperti isu perubatan, kewangan, isu-isu yang timbul selari dengan revolusi industri dan isu teknologi makanan (halal).
- 2- Metodologi ijtihad zaman sekarang (kontemporari). Sebagai contoh adalah penerapan metodologi penyelidikan semasa dalam proses ijtihad sama ada menggunakan pendekatan kualitatif ataupun kualitatif.
- 3- Penerapan beberapa instrumen (berkaitan dengan sains dan teknologi) dalam ijtihad
- 4- Pendekatan ijtihad yang diubah dalam mendepani perubahan zaman
- 5- Bentuk ijtihad sekarang oleh kerana perubahan masa dan zaman

### **3.0 PERKEMBANGAN IJTIHAD**

Ijtihad telah berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w lagi. Perkara ini dibuktikan daripada lisan Rasulullah s.a.w sendiri kepada Mu’adh bin Jabal, sebagaimana yang tercatat dalam hadis riwayat Ahmad, Abu Daud dan al-Tirmidhi:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا أَرَادَ أَنْ يَبْعَثَ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ قَالَ كَيْفَ تَقْضِي إِذَا عَرَضَ لَكَ قَضَاءٌ قَالَ أَقْضِي بِكِتَابِ اللَّهِ قَالَ فَإِنْ لَمْ تَجِدْ فِي كِتَابِ اللَّهِ قَالَ فَبِسُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَإِنْ لَمْ تَجِدْ فِي سُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَا فِي كِتَابِ اللَّهِ قَالَ أَجْتَهِدُ رَأْيِي وَلَا أَلُو فَضَرَبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَدْرَهُ وَقَالَ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَ رَسُولَ رَسُولِ اللَّهِ لِمَا يُرْضِي رَسُولَ اللَّهِ

Yang bermaksud: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w ketika mana mahu menghantar Mu'adh (menjadi gabenor) ke Yaman, Baginda bersabda : *“Bagaimana kamu berhukum jika dihadapkan kamu satu perbukuman?”* Mu'adh menjawab : *“Aku akan memutuskan hukum dengan (merujuk) Kitab Allah (al-Quran)”*, Baginda bersabda lagi : *“Sekiranya tidak terdapat di dalam Kitab Allah?”*, Mu'adh menjawab : *“Maka dengan Sunnah Rasulullah”*, Baginda bersabda lagi : *“Sekiranya tidak terdapat di dalam Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah?”*, Mu'adh Menjawab : *“Aku akan berijtihad dan tidak lebih (dalam berijtihad)”* maka Rasulullah s.a.w menepuk dada Mu'adh seraya bersabda : *“Segala puji bagi Allah yang telah sepakat dengan utusan Rasulullah (Mu'adh) dengan apa yang diredai Rasulullah”*.

Rasulullah juga membenarkan ‘Amru bin al-‘As untuk memutuskan hukum terhadap satu kes, sedangkan baginda ada, maka Amru bin al-‘As bertanya kepada Rasulullah s.a.w : *“Aku berijtihad sedangkan Engkau ada?”* Rasulullah s.a.w menjawab: *“ja.. sekiranya engkau benar maka akan mendapat dua ganjaran, sekiranya engkau tersalah engkau akan mendapat satu ganjaran”*

Menurut Ahmad Thalbi (1981) pada zaman Rasulullah terdapat tiga sumber hukum Islam iaitu al-Quran, al-Sunnah dan al-Ijtihad. Walaupun begitu sebahagian ulama menyatakan bahawa nabi tidak berijtihad dalam masalah-masalah syariat, antara golongan yang berpendapat begini adalah Ibn Hazm, Zahiriyah, Abu Ali dan Abu Hasyim dari golongan Mu'tazilah. Walaubagaimanapun dalam aspek kemaslahatan dan strategi perang ini memang jelas nabi berijtihad (Ngainun Naim, 2006; al-Syawkani, 2003). Manakala jumhur ulama menyatakan harus untuk para Nabi untuk melakukan ijtihad dalam hukum-hukum syari'at dan urusan-urusan keagamaan. Antara ijtihad yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w adalah antaranya dalam kes penyelesaian tawanan perang Badar dan kes Khaulah binti Tha'labah berkenaan zihar (al-Asyqar, 1982).

Pada zaman Rasulullah juga para sahabat telah melakukan ijtihad, seperti dalam peristiwa Bani Quraizah, ijtihad 2 orang sahabat yang bertayamum kemudian berjumpa dengan air selepas solat, ijtihad Saidina ‘Ali r.a dalam menyelesaikan pertengkaran 3 golongan dalam merebut seorang budak (anak), dan selainnya (al-Qattan, 2001). Walaubagaimanapun ijtihad para sahabat bukanlah menjadi satu sumber hukum Islam pada zaman ini, kerana mereka akan merujuk kepada Nabi s.a.w, sekiranya ijtihad mereka benar akan diakui oleh Rasulullah dan ia menjadi sunnah dan menjadi wahyu, dan sekiranya diingkari oleh Rasulullah maka tidak boleh untuk beramal dengannya (al-Sabuni & Khalifah, 1982).

Setelah wafatnya Rasulullah s.a.w pada tahun ke-11 Hijrah, sahabat juga telah melakukan ijtihad, sepertimana dalam beberapa peristiwa yang masyhur antaranya ketika zaman Khilafah Abu Bakar, dimana Saidina Abu Bakar memerangi golongan yang enggan membayar zakat. Begitu juga pada Zaman Khilafah Umar al-Khattab, dan beberapa sahabat yang lain. Ibn al-Qayyim (1423H) mengatakan terdapat lebih kurang 130 orang sahabat sahaja yang diceritakan mampu berijtihad.

Bilangan yang seramai itu dibahagikan kepada “*al-Mukathirun*” banyak memberi fatwa, “*al-Mutawassitun*” yang sederhana dan “*al-Muqillun*” yang sedikit.

Dan ijthad terus berlaku dari zaman sahabat hingga zaman tabi’in, tabi’ tabi’in dan seterusnya, hatta pada era kegemilangan *fiqh al-Islami* iaitu zaman ulama 4 mazhab dimana ijthad giat diaplikasikan (Syufa’at, 2005). Walaubagaimanapun ijthad bertemu jalan kemunduran apabila berlakunya era taqlid, dimana pintu ijthad ditutup pada akhir kurun ke-3 hijrah. Pada zaman ini didakwa tidak adanya ijthad, penentuan hukum terhadap kepada yang telah diputuskan hingga zaman imam-imam *fiqh* (iaitu Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam al-Syafi’i dan Imam Ahmad) (al-Khatib, 1984). Walaupun begitu apabila dinilai semula tidak wajar pada zaman kini hanya untuk berpegang prinsip untuk bertaqlid semata-mata ini adalah kerana hukum yang telah dibina berlandaskan akal dan teori (ijthad) adalah tidak bersifat ma’sum, atas dasar inilah setiap mujtahid pada setiap zaman perlu diberi peluang untuk melakukan ijthad dalam setiap perkara, termasuk perkara-perkara yang telah diputuskan oleh mujtahid terdahulu (Rahimin Affandi, 1993).

Adakalanya sesuatu hukum yang disandarkan kepada ‘uruf, *maslahah* dan *siyasah syar’iyyah* yang dipertimbangkan pada zaman dan tempat tertentu tidak mungkin dapat diaplikasikan pada zaman dan tempat yang lain. Dalam erti kata lain jika ia diaplikasikan boleh menyebabkan berlaku kemudaratan atau kesusahan pada umat Islam. Ia bercanggah dengan prinsip syariat Islam yang syumul, komprehensif dan memudahkan. Begitu juga sekiranya sesuatu hukum yang telah diputuskan berasaskan data-data dan pembuktian keilmuan (contoh sains) ketika itu, sudah tentu jika penemuan terbaharu sehingga mengkehendaki hukum yang baru memerlukan ijthad yang bersifat semasa.

Ijthad semasa yang berlaku pada zaman ini telah mengalami perubahan yang ketara disebabkan kemampuan mujtahid, perubahan realiti, perkembangan ilmu dan keruntuhan moral. Kewujudan ijthad kolektif (ijthad jama’i) adalah salah satu gambaran ijthad semasa. Banyak institusi fatwa dan *fiqh* yang ditubuhkan pada hari ini membawa semangat ijthad kolektif seperti Majma’ al-Fiqh al-Islami al-Duwali di Jeddah, Majma’ al-Fiqh al-Islami di Mekah dan Majma’ Fuqaha’ al-Syari’ah di Amerika (al-Zuhayli, 2011).

## 4.0 PEMBAHAGIAN BENTUK-BENTUK IJTHAD DALAM KONTEKS SEMASA

Ijthad lazimnya boleh dibahagikan dalam beberapa bentuk terutamanya jika dilihat dalam konteks semasa. Dalam bahagian ini terdapat tiga bentuk ijthad yang dikemukakan, iaitu; pertama, bentuk ijthad dari aspek metodologi, kedua, bentuk ijthad dari aspek pendekatan dan sumber ambilan dan ketiga, bentuk ijthad dari aspek mujtahid.

### 4.1 Bentuk Ijthad Dari Aspek Metodologi

#### Ijthad *Intiqā’i*

Ijthad *intiqā’i* ialah satu bentuk ijthad yang memilih salah satu pandangan-pandangan yang telah dikemukakan dalam warisan *fiqh* dalam menentukan hukum, ia merupakan satu bentuk pentarjihan kepada pendapat-pendapat yang telah diutarakan. Ijthad dalam bentuk ini adalah mempertimbangkan antara pendapat-pendapat hukum yang wujud dalam sesuatu isu, melakukan pentarjihan dengan bersandarkan dalil-dalil nassiyah (al-Quran dan al-Sunnah) dan ijthadiyyah untuk memilih pendapat yang mempunyai hujah dan dalil yang kuat dan hendaklah selaras dengan piawaian pentarjihan. Antara piawaian dalam melakukan pentarjihan adalah (al-Qaradawi, 1996);

- i. Hendaklah pendapat tersebut dipilih bersesuaian dengan kehidupan orang yang pada zaman sekarang,
- ii. Mendatangkan kesenangan kepada manusia,
- iii. Sesuai dengan prinsip memudahkan,
- iv. Mengutamakan *maqasid al-syari'ah* dan *maslahah* serta menjauhkan mafsadah ke atas manusia.

#### Ijtihad *Insyā'i*

Ijtihad *insya'i* pula ialah ijtihad untuk menetapkan hukum baru kepada sesuatu masalah yang tidak pernah diperbincangkan oleh ulama' yang terdahulu, tidak kira masalah tersebut adalah masalah baru ataupun masalah yang lama (al-Qaradawi, 1996). Namun hakikatnya ijtihad ini berlaku dalam menyelesaikan masalah-masalah yang baru yang tidak disentuh secara lansung oleh ulama'-ulama' silam.

Ijtihad ini lebih berbentuk satu usaha mengistinbatkan hukum baru kepada sesuatu masalah yang tidak pernah dijelaskan hukumnya dalam perbincangan fiqh silam. Usaha tersebut adalah berasaskan data-data semasa dan menggunakan alat bantu moden yang wujud pada hari ini. Contohnya, seperti menyelesaikan isu hukum bayi tabung uji dan pendermaan organ reproduktif.

#### Ijtihad gabungan *Intiqā'i* dan *Insyā'i*

Ijtihad dalam bentuk ketiga adalah menggabungkan antara ijtihad *intiqā'i* dan ijtihad *insya'i*. Ia adalah satu bentuk ijtihad yang memilih pendapat yang dilihat lebih sesuai dan lebih rajih dan diperkukuhkan dengan unsur-unsur ijtihad moden (al-Qaradawi, 1996). Gabungan dua bentuk ijtihad ini jelas dapat memberikan kemaslahatan dalam hidup masyarakat bahkan ia dilihat lebih menepati kehendak syara'. Hal ini tidak dinafikan dalam syariat kerana sesuatu hukum yang telah diputuskan berasaskan ijtihad masih terdedah kepada perubahan dengan berubahnya zaman dan tempat.

## 4.2 Bentuk Ijtihad Dari Aspek Pendekatan (Sumber Ambilan)

#### Ijtihad Istislahi / al-Maslahi

*Istislahi* atau *al-maslahi* adalah merujuk kepada *maslahah*. *Al-Maslahah* dari sudut etimologi berasal dari bahasa Arab yang membawa makna manfaat, faedah dan kebaikan. Menurut Ibn Manzur (1972), *maslahah* beerti kebaikan dan ia merupakan bentuk mufrad (singular) dari perkataan *masalih* (plural).

Dari aspek terminologi, al-Ghazali (t.t.) mendefinisikan *al-maslahah* sebagai:

عِبَارَةٌ فِي الْأَصْلِ عَنْ جَلْبِ مَنْفَعَةٍ أَوْ دَفْعِ مَضْرَةٍ

*Maslahah* adalah menarik manfaat dan menolak kemudaratan.

Al-Syatibi (1999) mendefinisikan *al-maslahah* di dalam kitab al-Muwafaqat sebagai;

وَأَعْنِي بِالْمَصَالِحِ مَا يَرْجَعُ إِلَى قِيَامِ حَيَاةِ الْإِنْسَانِ وَتَمَامِ عَيْشِهِ وَنَيْلِهِ مَا تَقْتَضِيهِ أَوْصَافُهُ الشَّهَوَانِيَّةِ وَالْعَقْلَانِيَّةِ عَلَى الْإِطْلَاقِ.

*Yang aku maksudkan dengan maslahah ialah sesuatu yang merujuk kepada membangunkan kehidupan insan, kesempurnaan kehidupannya dan mencapai sesuatu yang dituntut oleh sifat-sifat syahwat dan akal secara mutlak.*

Secara umum *maslahah* adalah sesuatu perkara yang mendatangkan kebaikan dan manfaat kepada manusia sama ada dari sudut logik mahupun yang telah disyariatkan oleh Allah. Kerana segala suruhan, perintah dan larangan dalam agama hakikatnya mendatangkan *maslahah* kepada manusia.

Ijtihad *istislahi* bukanlah satu konsep baharu ataupun jenis ijtihad baharu dalam perbincangan ilmu usul fiqh. Bahkan ijtihad berorientasikan *maslahah* merupakan suatu yang biasa berlaku dalam amalan ijtihad para ulama', hal ini berikutan *maslahah* merupakan salah satu bentuk-bentuk ijtihad. Ijtihad *istislahi* boleh didefinisikan sebagai mencurahkan segala kemampuan untuk menentukan hukum berbagai masalah baru yang didasarkan pada kemaslahatan yang tidak disebutkan secara tegas dalam nas (Ade Fariz, 2008).

Al-Syatibi antara ilmuwan yang dilihat terkehadapan dalam menggambarkan kerangka konsep ijtihad *istislahi* dalam perbincangannya mengenai *maqasid al-syari'ah*. Asafri Jaya Bakri (1994) menyatakan bahawa konsep *maqasid al-Syari'ah* oleh al-Syatibi sangat penting dalam menembangkan metode-metode ijtihad, samada metode ijtihad *ta'lili* atau metode ijtihad *istislahi*. Penerapan konsep tersebut dilihat lebih mampu untuk memberikan jawapan kepada permasalahan yang timbul.

Pendekatan ijtihad *istislahi* telah mula ditekankan oleh para intelektual Islam pada zaman ini, Ijtihad *istislahi* perlu diterapkan dalam menyelesaikan isu-isu semasa dalam pelbagai bidang. Contohnya al-Qaradawi, di dalam metode ijtihad yang digunakan beliau didapati banyak menerapkan metode-metode yang berorientasikan masalah seperti *al-istihshan*, *masalih al-mursalah*, *al-istishab*, dan *al-'urf* (al-Qaradawi, 1996; Muchlis, 2001).

### **Ijtihad Maqasidi**

Ijtihad *maqasidi* adalah hakikatnya mempunyai perkaitan dengan perbincangan ijtihad *al-maslahi*. Ia berasaskan pendekatan *maqasid al-syariah* dalam melakukan ijtihad. *Maqasid al-syariah* pula bermaksud matlamat yang telah ditentukan syarak demi menjadikan masalah manusia sebagai sesuatu yang realistik (al-Raysuni, 1995). Ijtihad *maqasidi* bermaksud menerapkan kefahaman *maqasid al-syari'ah* sebagai manhaj dan alat analisis dalam menyelesaikan sesuatu isu. Ia juga sebagai kerangka berfikir bagi orang yang ingin berijtihad selain sebagai panduan agar analisis terhadap sesuatu hukum tidak tersasar ('Audah, 2013). Metodologi ijtihad maqasidi ini penting khususnya dalam menyelesaikan isu baru, supaya hasil ijtihad nanti dilihat tidak bercanggah dengan maqasid al-syariah yang bersifat menyeluruh seperti pemeliharaan kepada *daruriyyat al-kebamsah*.

Terdapat juga beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan dalam melakukan ijtihad maqasidi antaranya memastikan *maqasid al-syariah* yang jelas dan ditetapkan selari dengan nas syarak, memhamai kedudukan sesuatu perkara itu sebagai matlamat (*maqasid*) atau sekadar jalan (*wasail*), membezakan perkara yang tetap (*thawabit*) dan yang berubah-ubah (*mutaghayyirat*), menekankan kaedah-kaedah maqasid serta meraikan kemaslahatan ('Abd al-Rauf, 2014).

### **Ijtihad Siyasi**

Ijtihad siyasi adalah satu bentuk ijtihad yang menjadikan *siyasah syar'iyah* sebagai garis panduan. *Siyasah syar'iyah* bermaksud memberi penekanan terhadap aspek kemaslahatan ummah berlandaskan wasilah dan tindakan yang disyariatkan. Ia bertujuan memperolehi alternatif yang terbaik sama ada

untuk hubungan dalaman mahupun luaran. Oleh itu ijtihad siyasi bermaksud; mengerahkan usaha dan daya fikir pada satu-satu isu untuk merealisasikan *maslahah* hamba. Untuk melaksanakan ijtihad ini sangat memerlukan penelitian terhadap nas-nas syara' dan realiti semasa. Pelaksanaan ijtihad *siyasi* lebih berbentuk merungkai persoalan bagi mengenalpasti *maslahah* yang diraikan syara' untuk dilaksanakan dalam realiti kenegaraan, pentadbiran dan urusan kehidupan manusia (al-Zaki, 2013).

### 4.3 Bentuk Ijtihad Dari Aspek Mujtahid

#### Ijtihad *Juz'i*

Ijtihad *juz'i* secara jelas tidak membawa maksud ijtihad *fardi* (perseorangan) secara kefahamannya. Walaupun ijtihad *juz'i* hanya dilaksanakan oleh seorang individu namun lapangannya adalah terhad berbeza dengan ijtihad *fardi* yang dilakukan oleh individu perseorangan dalam lapangan yang berbeza. Ijtihad *fardi* adalah merujuk kepada kemampuan seorang individu dengan keilmuannya untuk memutuskan hukum (berdasarkan ijtihad) dalam lapangan yang berbeza.

Ijtihad *juz'i* pula adalah kemampuan seorang individu untuk berijtihad dalam satu bidang yang khusus sahaja. hal ini kerana, untuk mewujudkan seorang mujtahid dalam pelbagai lapangan pada hari ini adalah sukar maka pendekatan melakukan ijtihad dalam kepakaran tertentu adalah diperlukan. Sebagai contoh seseorang yang telah diiktiraf mempunyai keilmuan dan kepakaran dalam bidang kewangan Islam dibolehkan berijtihad hanya dalam bidang tersebut sahaja. Dalam erti kata lain, sebarang ijtihad di luar bidangnya boleh dipertikaikan.

#### Ijtihad *Jama'i*

Ruang lingkup ijtihad *fardi* hanya boleh dilakukan atas kelayakan-kelayakan khusus, ijtihad *fardi* juga harus ditumpukan kepada persoalan-persoalan yang sifatnya individual (seperti ijtihad sekitar hukum rumah tangga). Ijtihad *fardi* juga boleh dilakukan dalam persoalan yang lebih umum dan luas cakupannya dengan syarat keadaannya sangat mendesak (darurat) dan memerlukan penyelesaian hukum yang cepat. Ijtihad *jama'i* adalah proses penggalan hukum yang dilakukan oleh sekelompok pakar. Kajian ini juga merumuskan klasifikasi ijtihad *jama'i* mengikut tingkatan sebagaimana berikut (Husnul, 2007):

- 1- Ijtihad *jama'i* di peringkat daerah atau wilayah (di Malaysia mungkin boleh dimaksudkan sebagai institusi penyelidikan negeri, atau institusi fatwa bagi setiap negeri)
- 2- Ijtihad *jama'i* di peringkat negara (konsep yang sama terpakai dalam Dar al-Iftha' di Mesir dan Dairah al-Iftha' di Jordan)
- 3- Ijtihad *jama'i* di tingkat dunia Islam (al-Majma' al-Fiqh Rabitah al-'Alam al-Islami di Makkah)

Secara asasnya, bentuk pertama dan kedua bagi ijtihad *jama'i* ini didapati wujud di Malaysia. Kewujudan unit buhuth atau unit penyelidikan fatwa jelas membawa semangat ijtihad *jama'i* di Malaysia, selain muzakarah yang dijalankan di peringkat kebangsaan. Antara kelebihan ijtihad kolektif berbanding ijtihad individu adalah (Husnul, 2007):

- 1- Ijtihad kolektif diyakini lebih teliti dengan tingkat kesahihan yang tinggi.
- 2- Ijtihad kolektif lebih efektif untuk memberikan ketengan dan keyakinan kepada masyarakat akan kesahihan hukum dan bebas daripada kepentingan peribadi dan sentiment kelompok, kelas, dan senioriti.



- 3- Tingkat kekuatan hukum ijthid kolektif melebihi hasil ijthid individu, dan boleh mendekati ijma'.
- 4- Wujudnya ijthid kolektif boleh menjadi kawalan dan dasar metodologi pembinaan hukum, sehingga ijthid tidak menjadi suatu bentuk pasaran di mana semua orang boleh melakukan ijthid.
- 5- Ijthid kolektif boleh menjadi suatu wadah penyatuan umat Islam.

Bagi merealisasikan ijthid *jama'i* pada hari ini terdapat dua syarat utama yang perlu dipenuhi, iaitu, pertama; hendaklah dilakukan oleh golongan mujtahid. Golongan mujtahid bagi ijthid *jama'i* cukup sekadar memenuhi syarat-syarat mujtahid yang ringan. Syarat kedua pula adalah hendaklah mereka mengetahui realiti semasa dan setempat ('Arif 'Izzuddin, 2005).

## 5.0 KEPERLUAN KEPADA IJTHID SEMASA

Tidak dinafikan bahawa ijthid dalam konteks semasa adalah perlu. Ini berikutan kehidupan sentiasa berhadapan dengan kemajuan, pembangunan, perubahan sosial, isu-isu ekonomi dan kewangan yang sentiasa wujud, keruntuhan akhlak, keperluan dan kehendak manusia yang berubah dan sebagainya. Walaupun ijthid dalam bentuknya yang asal tidak dapat dilaksanakan sebaiknya pada hari ini, namun ulama kontemporari telah mengariskan bentuk-bentuk ijthid semasa yang boleh dilaksanakan bagi memastikan syariat Islam sentiasa boleh dilaksanakan.

Seperti yang telah dinyatakan bahawa wujudnya banyak faktor yang menyebabkan perlunya ijthid semasa dilaksanakan. Contohnya, perkembangan institusi perbankan Islam pada hari ini hakikatnya telah menimbulkan isu-isu hukum yang baharu. Keperluan kepada perbankan Islam adalah sesuatu yang jelas, namun perbankan Islam perlu menawarkan produk-produk yang memenuhi hajat masyarakat disamping ia selaras dengan syariat Islam bagi menggantikan institusi perbankan konvensional. Antara isu yang wujud adalah kontrak *bay' al-'inah* mahupun *al-tawarruq* dalam pembiayaan tunai (Muhammad Ikhlas, 2017). Selain itu, wujudnya kontrak-kontrak derivatif seperti opsyen, dan seumpamanya yang memerlukan kepada penjelasan hukum yang konkrit dan meyakinkan umat Islam (Nor Fahimah, Shamsiah & Nor Sakinah, 2018).

Selain itu, dalam bidang perubatan dan kesihatan juga telah menimbulkan banyak isu dan persoalan. Sebagai contoh, ubat dan vaksin daripada unsur babi (Mohd Anuar & Mohammad Aizat, 2012), pemindahan rahim, pemindahan organ, pembedahan mayat orang Islam untuk pembelajaran, pendermaan sperma, bayi tabung uji dan penggunaan plasma darah untuk tujuan kecantikan atau makanan. Isu-isu tersebut tidak dijelaskan hukumnya secara jelas di dalam nas mahupun dalam perbahasan fiqh Islam. Oleh itu, adalah wajar ijthid dilakukan dengan mengambilkira keadaan semasa dan nilai setempat bagi menyelesaikan isu-isu tersebut.

Beberapa lagi persoalan semasa yang wujud pada hari ini, antaranya dalam isu kenegaraan, contohnya penentuan kafir zimmi, mu'ahad dan harbi, sistem percukaian negara, isu dalam interaksi sosial masyarakat majmuk (Khairul Azhar, 2016), isu zakat seperti perluasan asnaf, zakat institusi kewangan dan pelbagai lagi. Oleh itu, intelektual semasa tidak wajar untuk memejamkan mata dan berpada berpegang pada keputusan hukum Islam yang jelas realitinya berbeza dengan zaman kini. Oleh itu, perlu usaha ijthid dilakukan untuk memenuhi keperluan umat Islam dan merealisasikan tuntutan syariah.

Mungkin apabila disebut ijthid membuatkan sesetengah orang berasa berat dan sukar. Namun dalam konteks hari ini ijthid boleh dijenamakan dengan nama penyelidikan. Penyelidikan hukum sudah tentu boleh memenuhi bentuk-bentuk ijthid sebagaimana yang telah disebutkan

(seperti ijihad *jama'i* dan ijihad *juẓ'i*). Dengan penyelidikan proses ijihad boleh dilakukan dengan menggunakan aplikasi, alat bantu dan sistem baharu dalam mencari data dan melakukan penganalisaan. Sebagai contoh, syarat seorang mujtahid mestilah menghafal al-Quran atau setidaknya ayat-ayat hukum atau lebih ringan lagi mengetahui kedudukan ayat-ayat hukum di dalam al-Quran berserta sebab turunnya ayat dan *al-nasikh wa al-mansukh*. Dalam konteks hari ini, kesemua perkara tersebut boleh dicapai dengan bantuan perisian komputer dalam memudahkan mengakses ayat-ayat serta hadis-hadis hukum.

Selain itu, kaedah penyelidikan moden perlu digunakan dalam memperkasakan ijihad semasa. Kaedah penyelidikan moden sama ada berpendekatan kualitatif dan kuantitatif diperlukan bagi menyokong kehendak usul fiqh sebagai metodologi asas penetapan hukum (Paizah & Mohd Anuar, 2013). Sebagai contoh, untuk mengetahui uruf kadar pemakaian emas perhiasan agar dapat ditentukan jumlah zakat memerlukan kajian lapangan (Ummi Farahin, 2018). Kajian melalui soal selidik perlu dilakukan dan ia perlu dianalisis menggunakan perisian statistik. Hasil analisis tersebut dapat membuktikan uruf kadar pemakaian emas perhiasan bagi sesuatu masyarakat.

Dalam memperkasakan atau mengukuhkan penyelidikan agar ia menjadi satu bentuk ijihad yang diyakini, ia memerlukan satu penyelidikan berkumpulan (ijihad kolektif) bagi menyelesaikan sesebuah isu dan persoalan. Kumpulan penyelidik tersebut haruslah menentukan hukum dengan berani dan bebas dari sebarang pengaruh dan tekanan. Penyelidikan berkumpulan ini sudah tentu dapat direalisasikan dengan ijihad individu (*fardi*) daripada pakar dalam bidang masing-masing bagi memberi jalan kepada ijihad *jama'i* (Mohd. Saleh, 2005).

## 6.0 PENDEKATAN IJTIHAD SEMASA

Contoh yang dinyatakan di atas bertujuan menjelaskan betapa perlunya ijihad dalam rangka semasa dilakukan terutamanya di Malaysia. Masih banyak isu-isu semasa yang masih belum mendapat jawapan hukum yang jelas dan dapat memberi keyakinan kepada orang awam. Lantaran itu, kajian ini akan menyatakan beberapa pendekatan ijihad yang mungkin boleh diaplikasikan oleh para ilmuan di Malaysia khususnya dalam mendepani isu-isu semasa.

Pada asasnya, ijihad semasa boleh dilihat dari tiga aspek atau tiga bentuk selaras dengan pengamalan sekarang iaitu, ijihad dalam bentuk perundangan, ijihad dalam bentuk fatwa dan ijihad dalam bentuk pengkajian dan pembelajaran (al-Qaradawi, 1996). Kesemua aspek tersebut hakikatnya adalah ruang berlakunya ijihad pada hari ini. Sebagaimana yang telah disebutkan, contohnya penyelidikan akademik, ia adalah bentuk ijihad yang dilakukan oleh individu melalui bimbingan pakar bagi menyelesaikan sesuatu isu yang khusus. Usaha, metodologi dan kesahan data yang dilakukan sebenarnya termasuk dalam ruang lingkup ijihad.

Menyentuh berkenaan pendekatan ijihad semasa, al-Qaradawi telah menggariskan beberapa garis panduan untuk berijihad dalam kerangka zaman kontemporari iaitu (al-Qaradawi, 1996):

- 1- Ijihad dilakukan dengan kerahan tenaga dan usaha sebagaimana yang boleh difahami daripada pentakrifan ijihad.
- 2- Mengambil kira tempat yang boleh dilakukan ijihad (*mahal al-ijihad*). Ijihad tidak boleh dilakukan dalam persoalan *qat'iyah* iaitu yang mempunyai dalil *qat'i*. Manakala dalam persoalan *zanniyah*, ijihad mempunyai ruang yang luas.
- 3- Perlu difahami bahawa sesuatu ijihad tidak menjadikan sesuatu perkara yang *zanni* kepada *qat'i*.

- 4- Memberi penekanan dan menghubungkan antara fiqh dan hadis.
- 5- Mengambil sikap berhati-hati (waspada) daripada membebankan dan endatangkan kesukaran.
- 6- Meraikan serta mengambilkira perkara baru yang memberi manfaat. Hal ini selari dengan prinsip (المحافظة على القديم الصالح والأخذ بالجديد الأصلاح) yang bermaksud; memelihara perkara lama yang baik dan mengambil perkara baru yang lebih memberi kebaikan.
- 7- Tidak mengabaikan ruh (semangat) zaman dan keperluannya. Hal ini kerana *maslahah* manusia berubah mengikut perubahan zaman.
- 8- Mengaplikasikan bentuk ijtihad *jama'i*. Perkara ini membolehkan ilmuan saling bermesyuarat atas sesuatu masalah yang timbul dan mencapai kesepakatan terhadap sesuatu keputusan hukum.
- 9- Hendaklah melapangkan dada atas kesilapan mujtahid. Tidak ada yang maksum selain daripada para Nabi. Tidak harus untuk mengikat diri dengan tidak menerima kesalahan para mujtahid.

Dalam melaksanakan ijtihad semasa terhadap isu-isu baharu terdapat dua syarat utama yang perlu diberikan penekanan iaitu, mengenal manusia dan memahami tentang perihal realiti yang berlaku (Umamah, 1433H). Menenal manusia adalah perlu selari dengan penguasaan tentang hukum syarak. Ibn al-Qayyim (1423H) menjelaskan jika seseorang itu tidak memahami manusia tetapi menguasai hukum syarak, kemudian melakukan ijtihad maka hasilnya mendatangkan kerosakan lebih besar berbanding kebaikan. Dan jika seseorang itu memahami manusia akan tetapi tidak menguasai hukum syarak, kemudian berijtihad, maka hasilnya dia akan membayangkan orang yang zalim itu sebagai orang yang dizalimi dan orang yang dizalimi sebagai orang yang zalim.

Manakala syarat kedua iaitu, memahami perihal realiti yang berlaku (*al-fiqh bi al-waqi'*) dijelaskan oleh Ibn al-Qayyim (1423H) dalam dua aspek iaitu memahami realiti dan memahami kewajipan pada realiti. Memahami realiti sehingga mampu untuk melakukan istinbat berasaskan petunjuk dan petanda yang jelas. Manakala memahami kewajipan pada realiti adalah mengetahui sandaran hukum syarak daripada al-Quran dan al-Sunnah yang dapat dihubungkan dengan realiti yang berlaku.

Kesemua perkara tersebut perlu dititik beratkan dalam proses melakukan ijtihad. Kunci utama dalam menjadikan ijtihad semasa realistik adalah dengan memelihara keutuhan syariat, meraikan hajat dan masalah umat Islam serta mengambilkira realiti zaman dan tempat (al-Zuhaili, 2003). Selanjutnya mereka yang ingin melakukan ijtihad semasa perlulah bersedia dan mempersiapkan diri serta mempertimbangkan beberapa prinsip seperti mempertimbangkan *maslahah* umum, merujuk kepada sumber primer yang berautoriti dan berlandaskan mazhab, penyelidikan yang kritikal dan empirikal jika diperlukan serta responsif selari dengan perkembangan semasa (Hadi Mutamam, 2007).

Dengan kefahaman dan disiplin yang lengkap oleh ilmuan kontemporari maka ijtihad semasa dapat diwujudkan. Kesemua prinsip-prinsip tersebut telah diserap dalam penyelidikan akademik dalam sedar atau tidak. Oleh itu perlu usaha berterusan untuk meningkatkan inisiatif ijtihad penyelidikan sama ada individu mahupun berkumpulan (seperti projek penyelidikan universiti, penyelidikan fatwa dan penyelidikan dalam institusi atau badan bukan universiti).

## 7.0 KESIMPULAN

Instrumen ijtihad sentiasa diperlukan bagi setiap zaman dan generasi bagi menjamin keberkekalan syariah di atas muka bumi, Dengan usaha ijtihad yang dilakukan banyak isu-isu semasa yang dapat diselesaikan. Namun dalam rangka ingin melakukan ijtihad, seseorang itu hendaklah berilmu dan memahami isu semasa yang sedang dibincangkan. Usaha hendaklah digembleng untuk mencari jawapan hukum tersebut. Selain itu, pengkaji hukum hendaklah meraikan *maslahah* manusia serta memahami konteks sebenar isu yang dibincangkan. Instrumen ijtihad silam dan semasa perlu diharmonikan agar hukum dapat dijelaskan dan masalah dapat diraikan.

Tambahan pula, pada hari ini berkembangnya kaedah dan teori penyelidikan semasa yang dilihat boleh menjadi alat bantu ijtihad. Metodologi penyelidikan semasa sama ada bersifat kualitatif dan kuantitatif boleh membantu ijtihad dilakukan berpandukan data-data yang dipercayai. Kaedah pengumpulan data yang menekankan aspek realibiliti dan validiti mampu meningkatkan kualiti sesuatu ijtihad. Oleh itu, satu kajian perlu dilakukan dengan menzahirkan elemen integrasi penyelidikan semasa dalam proses ijtihad.

## Senarai Rujukan

- Al-Asfahani, Mahmud bin ‘Abd al-Rahman (1987). *Bayan al-Mukhtasar Syarh Mukhtasar Ibn al-Hajib*. Jeddah: Dar al-Madani.
- Doniach, N. S. (ed.) (1972). *The Oxford English-Arabic Dictionary of Current Usage*. London : Oxford University Press.
- ‘Abd al-Rauf Muhammad Amin (2014). Dawabit al-‘Amal bi Maqasid al-Syari’ah fi al-Mumarasat al-Ijtihadiyyah. *JICSA*, 3(2), 1-38
- Osman Khalid (et. al.)(eds.). (2006). *Kamus Besar Arab-Melayu Diwan*. Selangor : DAWAMA Sdn. Bhd.
- Ahmad Mokhtar ‘Umar (2008). *Mu’jam al-Lughat al-‘Arabiyah al-Mu’asirah*. Al-Qahirah: ‘Alim al-Kutub.
- Al-Raysuni, Ahmad bin ‘Abd al-Salam (ed.) (2014). *al-Tajdid al-Usuli: Nabu Siyaghah Tajdidiyah li ‘Ilm Usul al-Fiqh*. Herndon: al-Ma’ahad al-‘Alami li al-fikr al-Islami.
- Ahmad Thalbi (1981). *Tarikh al-Tasyri’ al-Islami wa Tarikh al-Nizam al-Qada’iyah fi al-Islam*. Al-Qahirah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyah.
- Ngainun Naim, M. H. I. (2006). *Sejarah Pemikiran Hukum Islam*. Surabaya : eLKAF.
- Al-Syaukani, Muhammad ‘Ali (2003). *Iryad al-Fubul ila Tabqiq al-Haq min ‘Ilmi al-Usul*. Dimasyq: Dar Ibn Kathir.
- Al-Asyqar, Umar Sulaiman (1982). *Tarikh al-Fiqh al-Islami*. Kuwait: Maktabah al-Falah.
- Al-Qattan, Manna’ (2001). *Tarikh al-Tasyri’ al-Islami*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Al-Sabuni, Abdurrahman & Khalifah ba Bakr (1982). *Al-Madkhal al-Fiqhi wa Tarikh al-Tasyri’ al-Islami*. Al-Qahirah: Dar al-Tawfiq al-Namuzajiyah.
- Al-Mubarakfuri, Safi al-Rahman (2004). *Al-Rabiq al-Makhtum*. Riyad: Dar al-Salam.
- Al-Jawziyyah, Ibn al-Qayyim (1423H). *I’lam al-Muwaqqi’in ‘an Rabb al-‘Alamin* Masyhur. Kerajaan Arab Saudi : Dar Ibn al-Jawzi.
- Syufa’at (2005). Hegemoni Politik dan Tertutupnya Pintu Ijtihad. *Ibda’*, 3(1), 78-92.
- Al-Khatib, ‘Abdul Karim (1984). *Sad Bab al-Ijtihad wama Tarattaba ‘alaib*. Bayrut: Mu’assasah al-Risalah.
- Rahimin Affandi A. R. (1993). Ijtihad: Satu Analisis Perbandingan. *Jurnal Syariah*, 1(2), 153-162.

- al-Qaradawi. (1996). *Al-Ijtihad fi Syari'at al-Islamiyah*. Kuwait: Dar al-Qalam
- Ibn Manzur (1972). *Lisan al-`Arab*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Al-Ghazali (t.t.). *Al-Mustasfa Min `Ilm al-Usul*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Al-Syatibi, Abu Ishaq (1999). *Al-Muwafaqat Fi Usul al-Syariah*. Bayrut: Dar al-Ma`rifah.
- Ade Fariz F. (2008). "Ijtihad Istislahi (Kajian Alternatif Dalam Penerapan Hukum Kewarisan Islam di Indonesia)". *Hukum Islam VIII*, 1, 27-40.
- Jaya, Asafri Bakri (1994). *Konsep Maqasid al-Syari'ah Menurut al-Syatibi dan Relevansinya dengan Ijtihad Hukum Dewasa Ini*. Tesis PhD dalam Ilmu Agama Islam, IAIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin (2012). "Aplikasi Ijtihad Kontemporeri Dalam Menangani Isu-isu Halal Semasa." dlm Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusoff et al. *Dimensi Kontemporeri Dalam Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: APIUM.
- Muchlis Bahar (2001). *Metode Ijtihad al-Qaradawi dalam Masalah-Masalah Kontemporer*. Tesis PhD dalam Ilmu-ilmu Agama, UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Al-Raysuni, Ahmad (1995). *Nazariyah al-Maqasid 'inda al-Imam al-Sbatibi*. USA: al-Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami.
- Jaser 'Audah (2013). *Al-Ijtihad al-Maqasidi fi al-Tasawwur al-Usul ila al-Tanzil al-'Amali*. Bayrut: al-Syabkah al-'Arabiyah.
- Husnul Fatarib (2007). Ijtihad Individual dan Kolektif: Solusi Metodologis Persoalan Hukum Islam Kontemporer. *TAPIS*, 7(1), 1-14.
- 'Arif 'Izzuddin Hamid Hasunah (2005). *Al-Manhaj al-Ijtihad al-Fiqhi al-Mu'asir*. Tesis PhD fiqh dan usul, Fakultas Pengajian Tinggi, Universiti Jordan.
- Paizah Hj. Ismail & Mohd Anuar Ramli (2013). "Relevansi Mazha Syafi'i Dalam Menangani Persoalan Semasa di Nusantara." Dalam Prosiding Seminar Isu Kontemporeri dalam Mazhab Shafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei, Mei 2013.
- Mohd. Saleh Ahmad (2005). *Risalah Abkam*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Wahbah al-Zuhayli (2003). *Ijtihad Baru Fiqh: Titik Tolak & Aliran-Alirannya* (al-Hasani, Basri Ibrahim, terj). Johor : PERNIAGAAN JAHABERSA.
- Hadi Mutamam, H. (2007). Ijtihad al-Ilmi al-'Ashri. *MAZAHIB IV*, 2, 102-113
- Al-Halwu, 'Ubay Ayyub Muhammad (2014). Al-Ijtihad al-Mu'asir wa Dawabituhu. *Majallah al-Jami'ah al-Islamiyyah li al-Dirasat al-Islamiyyah*, 22(2), 537-554.
- Umamah, 'Adnan bin Muhammad (1433H). *al-Tajdid fi al-Fikr al-Islami*. Al-Dammam: Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Jawziyyah, Ibn al-Qayyim (1423H). *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Al-Dammam: Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Zarqa, Mustafa Ahmad (1998). *Al-Madkhal al-Fiqhi al-'Am*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Al-Ramili, 'Abd al-Hakim (2016). *Taghayyur al-Fatwa fi al-fiqh al-Islami*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ramili, 'Abd al-Hakim (2011). *Taghayyur al-fatwa bi Taghayyur al-Ijtihad*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zaki, 'Ala al-Din (2013). Mafhum al-Ijtihad al-Siyasi wa Dawabituhu. *Majallah al-Bayan, al-Taqrir al-Irtiyadi*, 5; 43-63.
- Al-Zuhayli, Wahbah (2011). Al-Ijtihad fi 'Asrina Hadha min Haith al-Nazariyyah wa al-Tatbiq. *Majallah al-Dirasat al-'Alam al-Islami*, 1-4 (2), 1-9.
- Muhammad Ikhlas R. (2017). Analisis Elemen al-Hajah dalam Pembiayaan Peribadi. *Jurnal UMR4, UTM*, 4(3), 43-51.

- Khairul Azhar M. (2016). “Isu semasa terhadap hubungan sosial dengan non-Muslim di Malaysia daripada perspektif hukum Islam.” Tesis ijazah doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Umami Farahin Y., et. al. (2018). Amalan Penentuan Kadar Uruf Pemakaian Emas Perhiasan Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Selangor. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 12, 89-100.
- Nor Fahimah M. R., Shamsiah M. & Noor Sakinah S. (2018). A Comparison of Speculation and Hedging in Derivative Markets. *Gading Journal for Social Sciences*, 21(1), 1-10.
- Kasdi, A. (2019). Reconstruction of Fiqh Nusantara: Developing the Ijtihad Methodology in Formulating Fiqh from Indonesian Perspective. *QIJIS: Qudus International Journal of Islamic Studies*, 7 (2), 239-266.